

UCAPAN BAJET 2014
OLEH
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum W.T.B, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan wakil-wakil media.

Saya mohon mencadang supaya suatu Bajet MPSP bagi tahun 2014 dibentang untuk ditimbang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh Khas hari ini.

Izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat berkumpul pada hari ini untuk saya membentang Bajet MPSP 2014 di pagi Jumaat yang mulia ini. Tahun 2013 merupakan kali ke tiga saya membentangkan bajet tahunan sebagai Yang Dipertua MPSP. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada

Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk memegang jawatan Yang Dipertua di Majlis Perbandaran Seberang Perai. InsyaAllah, tanggungjawab dan amanah yang diberikan terus dipikul dengan sebaik mungkin dan penuh dedikasi. Sebagai Yang Dipertua di salah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terbesar di negara ini, saya melaksanakan tanggungjawab untuk meneruskan agenda pembangunan Seberang Perai seperti yang kita telah sama-sama rencanakan dalam keputusan-keputusan mesyuarat di peringkat Majlis. Bajet 2014 yang akan dibentangkan pada hari ini merupakan kehendak dan aspirasi warga Seberang Perai.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Bajet 2014 disediakan adalah berasaskan 'Outcome Based Budgeting (OBB)'. Dalam pendekatan OBB, penekanan diberikan kepada impak dan keberkesanan projek dan program berbanding mementingkan tahap perbelanjaan semata-mata. Ini adalah selaras dengan saranan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang supaya kita berganjak daripada kaedah pengurusan 'Budget Based Administration' kepada 'Outcome Based Administration'.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Dengan sumber kewangan yang terhad kita harus berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukuh dan memantapkan pengurusan sumber-sumber sediada untuk menampung perbelanjaan yang semakin bertambah terutamanya perbelanjaan mengurus termasuk aktiviti-aktiviti pembersihan, penyelenggaraan, pembaikan, emolumen, bekalan dan lain-lain. Pengumuman kenaikan kos bahan api baru-baru ini juga sedikit sebanyak akan memberi impak ke atas perbelanjaan mengurus Majlis.

Perbelanjaan pentadbiran pula dijangka meningkat tahun hadapan. Ini disebabkan oleh kenaikan elaun-elaun dan gaji tahunan kakitangan serta pengambilan kakitangan baharu bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan MPSP.

Oleh yang demikian kita akan berusaha sedaya upaya untuk memantapkan kedudukan kewangan Majlis seperti yang telah MPSP pernah kecapai pada akhir tahun 90an dahulu.

Saya juga mencadangkan sumber-sumber pendapatan bukan cukai perlu dikaji dan ditambah serta caj-caj perkhidmatan yang baru akan diperkenalkan pada tahun hadapan supaya MPSP terus kekal berdaya saing.

Dalam tempoh tiga tahun ini, Majlis telah berjaya meraih beberapa anugerah dan pengiktirafan antaranya Penarafan 4 Bintang, Penilaian Sistem Star Rating oleh KPKT bagi tahun 2010 / 2011, Anugerah RISm Excellence Award 2012 – Outstanding Contribution Towards Sustainability daripada Royal Institution Of Surveyors Malaysia pada 2012, Anugerah Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Hijau kategori Pejalan Kaki daripada KPKT sempena hari Perancang Bandar Sedunia 2012 peringkat kebangsaan, Anugerah Khas untuk anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Negeri Pulau Pinang 2011, memenuhi kriteria persijilan sebagai Pejabat Hijau Pulau Pinang oleh Penang Green Council dan yang terbaru Majlis telah mendapat persijilan OHSAS 18001:2007 daripada NIOSH Certification Sdn. Bhd. bagi skop pendaftaran Penyelenggaraan Pembersihan dan Lanskap. Majlis adalah Pihak Berkuasa Tempatan pertama di Semenanjung Malaysia yang mendapat persijilan

tersebut. Disamping itu juga, MPSP Berjaya mengekalkan rekod Sijil Bersih Penyata Kewangan dari tahun 2001 hingga 2012.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

PRESTASI KEWANGAN

MPSP telah menyediakan bajet defisit sebanyak RM17.3 juta dan RM29.69 juta masing-masing pada tahun 2011 dan 2012. Walau bagaimanapun semasa penutupan akaun berakhir 31 Disember, MPSP telah memperolehi lebihan sebenar sebanyak RM13.6 juta pada tahun 2011 dan RM4.15 juta pada tahun 2012. Sungguhpun MPSP telah meluluskan bajet defisit, Majlis tetap mengawal tekanan perbelanjaan melalui perbelanjaan yang berhemah dan mengikut keperluan. Majlis juga melaksanakan pendekatan dengan memberi keutamaan kepada perolehan Majlis bersesuaian dengan keperluan semasa dan kedudukan tunai Majlis.

Ahli Majlis-Ahli Majlis,

DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN MPSP

Visi MPSP adalah untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa untuk didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan. Bagi menjayakan visi tersebut, MPSP harus menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai seperti yang terkandung didalam misi MPSP. Dalam menjalankan urusan tadbir, MPSP mendokong prinsip Kerajaan Negeri iaitu “Cekap, Akauntabiliti dan Telus”.

Tema Bajet 2014 adalah bajet keberhasilan ke arah:-

“MPSP LEBIH BERSIH”

“MPSP LEBIH HIJAU”

“MPSP LEBIH SELAMAT”

“MPSP LEBIH SIHAT”.

Tema ini adalah bersesuaian di mana kita memastikan perancangan serta perkhidmatan yang diberikan dapat mencapai sasaran kualiti hidup penduduk yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih

sihat. Ini adalah selaras dengan dasar dan arah tuju Kerajaan Negeri untuk mencapai Bandar / Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf Antarabangsa (International City Status).

Ahli Majlis-Ahli Majlis,

MPSP LEBIH BERSIH

Dari dialog bajet dengan stakeholder yang telah diadakan pada 6 Julai yang lalu, 41% daripada stakeholder telah bersetuju supaya kebersihan diberi keutamaan. Kebersihan akan dapat dipertingkatkan dengan kerjasama orang ramai / penduduk Seberang Perai dan MPSP. Pada tahun 2014, MPSP melaksanakan sendiri kerja-kerja pembersihan di seluruh Seberang Perai. Sudah tentu langkah ini memerlukan komitmen kewangan yang tinggi bagi memastikan operasi pembersihan tidak terjejas. Dalam hal ini MPSP berasa amat bertuah kerana Kerajaan Negeri amat prihatin berhubung kemampuan kewangan MPSP bagi menjalankan sendiri kerja-kerja pembersihan.

Untuk makluman semua sehingga kini Kerajaan Negeri telah menyalurkan dana kepada MPSP berjumlah RM55.6 juta bagi

melancarkan perkhidmatan pembersihan di Seberang Perai. Untuk tahun 2014, MPSP telah menyediakan sebanyak RM74.1 juta untuk pembersihan di Seberang Perai. Perbelanjaan ini adalah 31.8% daripada keseluruhan perbelanjaan MPSP. Peruntukan ini adalah termasuk emolumen sebanyak RM50 juta bagi kakitangan sedia ada serta pengambilan baru pekerja am seramai 1,100 orang bagi memantapkan lagi Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

Kerajaan Negeri juga telah menyediakan RM20.6 juta untuk tahun 2014 untuk kebersihan. Pada tahun 2014, MPSP akan mempunyai tenaga kerja seramai 2,120 pekerja am dengan kelengkapan sebanyak 78 unit kompaktor, 17 unit open truck, 28 unit lori tipper, 21 unit RORO, 6 unit kren, 5 unit traktor, 3 unit road sweeper, dan 3 unit water jet bagi menjamin kebersihan Seberang Perai.

Walaupun jutaan ringgit dibelanjakan dan ribuan pekerja am di ambil bekerja, tanpa kesedaran penduduk Seberang Perai untuk bersama-sama berganding bahu dengan MPSP dalam melipat gandakan usaha ke arah kebersihan, Seberang Perai akan tetap berada ditahap lama, tidak bersih dan tidak sihat. Oleh itu saya menyeru

penduduk Seberang Perai untuk mencontohi tabiat negara-negara maju dalam aspek kebersihan supaya dengan sumbangan peruntukan Kerajaan Negeri dan MPSP, kita akan dapat “outcome”nya iaitu Seberang Perai bertambah bersih.

Ahli Majlis-Ahli Majlis,

MPSP LEBIH HIJAU

Selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri, MPSP juga turut tidak ketinggalan untuk menjadikan MPSP lebih hijau. Pada 1 April 2013, MPSP telah menubuhkan Jabatan Lanskap. Tindakan ini menunjukkan komitmen MPSP ke arah untuk menghijaukan lagi Seberang Perai disamping menyediakan kemudahan taman, rekreasi dan riadah di Seberang Perai ini. MPSP telah melancarkan program “Corporate Social Responsibility” (CSR) bersama stakeholder sejak Jun 2011.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam program CSR MPSP dan program CSR akan diteruskan pada tahun 2014. Untuk menghijaukan lagi dan menyelenggara kehijauan Seberang Perai serta menyelenggara

pokok-pokok sedia ada, sebanyak RM3.3 juta telah diperuntukkan untuk Jabatan Lanskap.

Ahli Majlis-Ahli Majlis,

MPSP LEBIH SELAMAT

Selaras dengan visi MPSP bagi menjadikan Seberang Perai sebuah tempat yang selamat dan selesa didiami, MPSP akan membelanjakan sejumlah RM16.4 juta pada tahun 2014 untuk pemasangan CCTV, kawalan banjir dan pengurusan lalulintas. Bagi pemasangan CCTV, MPSP memperuntukkan sebanyak RM1.4 juta. Sejumlah 55 unit CCTV akan dipasang di 55 lokasi tumpuan awam yang kerap berlaku jenayah. Langkah ini adalah diharapkan dapat mengurangkan kadar jenayah di Seberang Perai khususnya, serta Negeri Pulau Pinang amnya.

Bagi mengatasi masalah banjir, MPSP memperuntukkan sejumlah RM2.7 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan rumah pam, parit monsun dan kolam takungan. Selain daripada peruntukan tersebut, MPSP juga akan meneruskan projek dan rancangan bagi kawalan banjir menggunakan peruntukan wang caruman pamaritan yang akan

dipohon melalui Jawatankuasa Tebatan Banjir di peringkat Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Seberang Perai. MPSP juga komited untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalanraya di kawasan Seberang Perai terjamin. Untuk itu MPSP memperuntukkan sejumlah RM12.3 juta bagi dibelanjakan ke atas bil-bil lampu awam, penyelenggaraan lampu isyarat, tempat letak kereta, pondok bas, papan tanda lalulintas dan pemasangan lampu jalan. Peruntukan lalu lintas menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.6 juta pada tahun 2014 berbanding RM10.7 juta pada tahun 2013.

Ahli Majlis-Ahli Majlis,

MPSP LEBIH SIHAT

Penglibatan komuniti adalah amat penting bagi memastikan program-program yang telah dirancang terutamanya yang melibatkan kesihatan, kebersihan serta kehijauan dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, MPSP menyediakan peruntukan sejumlah RM2.29 juta pada tahun 2014 bagi melaksanakan projek-projek melibatkan komuniti. Ahli Majlis - Ahli Majlis MPSP diperuntukkan sebanyak RM70,000 setiap seorang iaitu

RM50,000 untuk perbelanjaan bagi program “Cleaner, Greener, Safer, Healthier Penang”, manakala RM20,000 bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur.

Antara perbelanjaan lain adalah program LA21, Program Kualiti (EMS, ISO, OHSAS, 5S), aktiviti kitar semula dan program-program kesihatan. Bagi mengarusperdanakan isu-isu berkaitan gender, MPSP memperuntukkan RM200,000 untuk disalurkan kepada Penang Women’s Development Corporation (PWDC) bagi menjalankan kajian projek perintis “Gender Responsive Budgeting” di MPSP selama 3 tahun bermula 2012 hingga 2014.

PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

MPSP amat komited dalam memastikan projek pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan awam dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti kemudahan awam dan infrastruktur serta selamat untuk digunakan. Pada tahun 2014, MPSP memperuntukkan RM1.0 juta bagi menaiktaraf pasar awam, tapak penjaja, gerai, dan kompleks makanan.

Sebagai tambahan kepada kemudahan tandas awam sedia ada, pada tahun hadapan MPSP akan membina 2 buah tandas awam baharu dengan peruntukan berjumlah RM100,000. Pada tahun hadapan MPSP akan membina sebuah dewan serbaguna bagi kemudahan penduduk Seberang Perai dengan peruntukan awal sejumlah RM1.0 juta. Ini adalah selaras dengan saranan Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang supaya MPSP menambah bilangan dewan serbaguna sedia ada. Disamping itu MPSP juga meneruskan projek menaiktaraf kemudahan awam sedia ada bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada warga Orang Kurang Upaya (OKU) dengan peruntukan sebanyak RM100,000.

Ahli Majlis-Ahli Majlis,

PEMANTAPAN ORGANISASI MPSP

PENGISIAN PERJAWATAN

Pada tahun 2014, anggaran emolument dibuat mengikut perjawatan tetap dengan anggaran keseluruhan berjumlah RM77.93 juta.

Jumlah perjawatan tetap sediaada di Majlis yang telah diluluskan sehingga tahun 2013 adalah sebanyak 1,902 perjawatan. Walau bagaimanapun, pengisian yang telah dibuat adalah sebanyak 1,661

perjawatan. Pengisian ini akan dibuat dari semasa ke semasa bagi memantapkan lagi struktur organisasi MPSP.

PELAN TINDAKAN 5 TAHUN MPSP (2014-2018)

MPSP perlu mempunyai fokus terhadap tindakan-tindakan yang dilaksanakan supaya perancangan-perancangan yang direncanakan dapat diberi keutamaan yang jelas. Selaras dengan saranan Y.A.B. Ketua Menteri supaya Majlis menyediakan pelan perancangan 5 tahun ke hadapan, satu bengkel telah diadakan pada 2hb. September 2013 hingga 3hb. September 2013 yang lalu bagi menentukan halatuju Majlis untuk 5 tahun yang akan datang. Pelan perancangan ini dirangka supaya dapat menangani pelbagai isu-isu semasa serta perancangan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Majlis. Intipati pelan tindakan ini adalah menjurus kepada peningkatan hasil dan penjimatan kos.

KEBAJIKAN PEKERJA

MPSP juga menitikberatkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan tambahan. Bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan

dan memerlukan rawatan berterusan, MPSP menyediakan peruntukan bagi perkhidmatan perubatan berjumlah RM1.0 juta. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan klinik panel disediakan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.4 juta.

Bagi memastikan kebajikan pekerja yang terlibat dengan kemalangan semasa bekerja terbela, sejumlah RM100,000 disediakan sebagai bayaran pampasan (ex-Gratia) daripada majikan. Ini merupakan tahun kedua MPSP menyediakan bayaran pampasan dalam bajet tahunan.

MPSP juga mementingkan kemajuan kerjaya serta pembangunan modal insan. Untuk itu, pada tahun 2013 MPSP telah mewujudkan Pelan Induk Latihan yang mengandungi "Training Roadmap" bagi setiap perjawatan bermula pada hari pertama bekerja sehingga bersara. Pelan Induk Latihan juga mengambilkira kehendak pekeling perkhidmatan awam yang telah menetapkan had minimum bilangan hari berkursus selama sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi setiap pekerja. Peruntukan bagi kursus dan latihan kepada kakitangan adalah sejumlah RM1.14 juta.

MPSP KE ARAH PBT BERTARAF ANTARABANGSA

Bagi merealisasikan tujuan ini, pada tahun 2013, Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah ditubuhkan. MPSP telah menghantar beberapa pegawai untuk menghadiri seminar, kursus dan pembentangan kertas kerja di forum peringkat antarabangsa. Antara negara-negara yang telah dihadiri adalah Jepun, Korea, Taiwan, Indonesia, Bhutan dan Singapura serta menghadiri persidangan bertaraf antarabangsa di dalam negara.

Disamping itu MPSP juga telah menjadi ahli kepada World E-Government dan CityNet serta telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Gwangju City, Korea. MPSP juga akan mengerakkan semula dan mengeratkan lagi usaha sama antara dua Bandar berkembar (sister city) MPSP dan Fremantle City Council.

KESELAMATAN PEKERJA

Pada tahun 2013, MPSP telah berjaya mendapat pensijilan OSHAS 18001:2007 daripada NIOSH Certification Sdn Bhd bagi skop pendaftaran, penyelenggaraan, pembersihan dan lanskap. Dengan adanya pensijilan ini, kebajikan dan keselamatan pekerja amat

dititikberatkan. Pensijilan ini akan diterima secara rasmi pada 1 Oktober 2013 dari pihak NIOSH. Bagi penyediaan Alat Lindung Diri (Personal Protective Equipment), MPSP memperuntukkan sejumlah RM300,000 untuk tujuan berkenaan. Ini merupakan tahun pertama MPSP memperuntukkan bajet untuk tujuan ini.

Ahli Majlis – Ahli Majlis sekalian,

KOMPONEN HASIL

Dalam tahun 2014 MPSP dijangka akan memperolehi hasil berjumlah RM206.09 juta yang terdiri daripada Hasil Cukai iaitu sebanyak RM147.6 juta atau 71.62%, Hasil Bukan Cukai RM49.5 juta atau 24.01% dan Terimaan Bukan Hasil RM9.0 juta atau 4.37%. Hasil cukai dijangkakan meningkat sebanyak 3.05% berbanding dengan anggaran pada tahun semasa.

Hasil bukan cukai antaranya adalah terdiri daripada lesen & permit, perkhidmatan & bayaran perkhidmatan, faedah daripada pelaburan serta denda dan hukuman. Hasil bukan cukai dijangka meningkat 0.6% berbanding dengan anggaran tahun semasa RM49.21 juta.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

PERUNTUKAN BAJET 2014

Bagi melaksanakan strategi-strategi dan langkah-langkah yang saya bentangkan tadi, MPSP mencadangkan sejumlah RM222.7 juta diperuntukkan bagi bajet mengurus tahun 2014. Ini merupakan peningkatan sebanyak 9.92% berbanding bajet mengurus tahun semasa. Dibawah peruntukan mengurus, sejumlah RM77.93 juta diperuntukkan bagi emolumen, perkhidmatan dan bekalan RM136.11 juta, pemberian dan kenaikan bayaran tetap RM4.27 juta dan perbelanjaan lain RM4.4 juta.

Peningkatan perbelanjaan mengurus adalah bagi menampung kenaikan gaji, kenaikan kos bekalan dan utiliti serta pengambilan tambahan pekerja am. Bagi peruntukan pembangunan pula, diperuntukkan sejumlah RM5.98 juta untuk tahun 2014. Manakala bagi peruntukan harta modal adalah sebanyak RM4.81 juta. Secara keseluruhan peruntukan perbelanjaan yang dicadangkan pada tahun hadapan adalah sebanyak RM233.50 juta.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Pada tahun hadapan saya mencadangkan peruntukan berjumlah RM233.50 juta berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM206.09 juta. Ini bermakna pada tahun 2014 saya mencadangkan bajet defisit berjumlah RM27.41 juta. Demi meneruskan perkhidmatan perbandaran yang terbaik serta tanggungjawab sosial Majlis kepada warga Seberang Perai maka bajet defisit ini tidak dapat dielakkan serta masih relevan.

Defisit yang dicadangkan ini masih berada di tahap yang minimum dan akan ditampung dari Kumpulan Wang Majlis berjumlah RM83 juta pada awal tahun 2013 ini. Saya mencadangkan bajet defisit ini kerana untuk memastikan komitmen-komitmen Majlis dapat dilaksanakan terutamanya dalam aktiviti pembersihan, penyelenggaraan jalan, perparitan, lampu jalan, lampu isyarat dan pembaikan-pembaikan kemudahan awam. Lebihan terkumpul yang terdapat di dalam Kumpulanwang Majlis adalah mencukupi untuk membiayai defisit pada tahun hadapan.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Bajet ini mengandungi inisiatif MPSP yang telah disediakan untuk menghadapi arus cabaran bagi memastikan MPSP kekal sebagai pihak berkuasa yang mampu memberi perkhidmatan dan menyediakan kemudahan yang selesa kepada pembayar cukai. Walaupun menghadapi kekangan sumber kewangan, kita masih mampu melaksanakan program-program yang telah dirancang bagi memenuhi keperluan rakyatnya.

Berdasarkan kepada pembentangan di atas beserta justifikasi-justifikasi yang telah dibentangkan, saya memohon mencadangkan supaya bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2014 yang telah dibentang ini, untuk ditimbang dan diluluskan di dalam Majlis ini seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Oleh yang demikian, dengan amanah dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan, saya memohon Majlis Penuh hari ini menimbang dan meluluskan Bajet MPSP untuk tahun 2014 seperti berikut :

		RM
Pendapatan	:	206,088,485
Perbelanjaan	:	233,497,100
Defisit	:	(27,408,615)

Saya mohon mencadangkan. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

MAIMUNAH MOHD SHARIF DJN,AMN,BCN,PKT,PJK
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai.